



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30/12/2018

BERSATU tak ditubuh rampas hak bukan Bumiputera: Dr M

BH - 30/12/2018 m/s: 3

➔ Pengerusi tegas parti beri perlindungan dengan tingkat keupayaan orang Melayu

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) ditubuhkan bukan untuk merampas hak dan harta orang lain khasnya bukan Bumiputera.

Sebaliknya, Pengerusi BERSATU yang juga Perdana Menteri berkata, parti itu ditubuhkan untuk memberi perlindungan dan membela keselamatan orang Melayu dengan cara meningkatkan keupayaan mereka.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu berasa keselamatan mereka terganggu kerana sudah jauh ketinggalan di belakang sehingga sukar mengejar

kaum lain yang lebih kaya.

"Mereka berpendapat mereka perlu dilindungi dan untuk itu, pada pendapat mereka, hanya boleh dilakukan oleh kaum mereka sendiri melalui politik. Sebab itu parti yang disertai dan dipimpin mereka sendiri perlu diadakan.

"Inilah sebabnya kita tubuh BERSATU sebagai parti Melayu dan Bumiputera. Sementara kita lindungi Melayu dan Bumiputera, caranya bukanlah dengan merampas hak dan harta orang lain.

"Tidak pernah sepanjang kita Merdeka ada rampasan dibuat," katanya berucap pada pembukaan Perhimpunan Agung Tahunan BERSATU di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, malam tadi.

Rasa keselamatan terganggu

Yang turut hadir, Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Timbalan Presiden, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan pemimpin tertinggi parti.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu dan Bumiputera berasa keselamatan mereka terganggu kerana berlaku pengasingan dalam aktiviti kehidupan

dan kemajuan kawasan.

Katanya, kebanyakan rakyat tidak tinggal bersama di kawasan masing-masing dan mengasingkan aktiviti hidup berlainan.

Beri kesan kemajuan ekonomi

"Umpama satu kaum ramai di bandar, satu kaum di desa dan satu lagi di ladang. Perpisahan ini mempunyai kesan kepada kemajuan ekonomi dan agihan kekayaan. Umumnya yang tinggal di bandar lebih maju dan kaya daripada di desa.

"Disebabkan orang Melayu dan Bumiputera lain bermastautin di desa, mereka kurang maju berbanding kaum di bandar," katanya.

Beliau berkata, disebabkan kemiskinan, penduduk Bumiputera di pinggir bandar sering menjual tanah mereka dan berpindah jauh dari bandar yang kurang peluang menjana kekayaan.

"Semua yang berlaku ini menamatkan orang Melayu di luar bandar dan di bandar yang lebih prihatin nasib masa depan mereka. Mereka mencari perlindungan daripada nasib buruk menimpa mereka, bahkan sudah menimpa mereka," katanya.



Inilah sebabnya kita tubuh BERSATU sebagai parti Melayu dan Bumiputera. Sementara kita lindungi Melayu dan Bumiputera, caranya bukanlah dengan merampas hak dan harta orang lain"

Dr Mahathir Mohammad,
Pengerusi BERSATU